# Pengiraan Logik Pembiakan & Anggaran Pendapatan/Pulangan Projek Sarang Burung Walet.

Sekiranya, Rumah Burung Walit (RBW) anda untuk tahun pertama sudah ada 100 sarang, bererti RBW itu mempunyai 200 ekor burung walet.

Andaian dibawah ini berdasarkan hanya 2 ekor (satu pasang) untuk tahun pertama dgn harga minima RM2,000/kg, anggaran adalah seperti :

| | Tahun | Pasangan | Pasangan darab 3 *Setahun 3 X bertelur* | Sarang Burung Setahun *Biji * | Kg Setahun. Anggaran : *120 biji Sarang = 1Kg* | Anggaran Harga Minima (Belum Proses) ## RM 2000/Kg ## | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Pendapatan Setahun (RM) | Pendapatan Sebulan (RM) |
| | 1 | @ 1 | 3 | 4 | 0.03 kg | 60.00 | 5.00 |
| | 2 | 4 | 12 | 16 | 0.13 kg | 260.00 | 21.00 |
| | 3 | 16 | 48 | 64 | 0.53 kg | 1,060.00 | 88.00 |
| | 4 | 64 | 192 | 256 | 2.13 kg | 4,260.00 | 355.00 |
| | 5 | 256 | 768 | 1,024 | 8.53 kg | 17,060.00 | 1,421.00 |
| $ | 6 | 1,024 | 3,072 | 4,096 | 34.13 kg | 68,260.00 | 5,688.00 |
| $ | 7 | 4,096 | 12,288 | 16,384 | 136.53 kg | 273,060.00 | 22,755.00 |
| $ | 8 | 16,384 | 49,152 | 65,536 | 546.13 kg | 1,092,260.00 | 91,021.00 |
| $ | 9 | 65,536 | 196,608 | 262,144 | 2184.53 kg | 4,369,060.00 | 364,088.00 |
| $ | 10 | 262,144 | 786,432 | 1,048,576 | 8738.13 kg | 17,476,260.00 | 1,456,355.00 |
| $ | | | | | | | |
| $ | | | | | | | |

@ Pengiraan dikira berpandukan ditahun pertama : 1 sarang/1 pasang didarab dgn 3 kali bersarang/bertelur dalam setahun.

## Harga minima sarang burung walet yg belum diproses per kg.

$ Hasilnya sungguh menakjubkan, selepas tahun ke 6 . . . .

Syarat - syarat kejayaan berdaya saing & berkembang maju rumah burung Walet:

1 Pengusha mesti tahu & berpengetahuan luas berkenaan habitat & pengushaan rumah burung walet.

2 Buat rumah burung dimana terdapat dimana terdapat banyak burung walet dan dibena untuk walet tinggal.

3 Kesesuaian dan keselesaan untuk walet tinggal dgn berkembang biak & berterusan.

4 DLL untuk walet. . . . . .



InsyaALLAH mudah mudahan berjaya - Amin.

# Burung Walit



Industri walit bukan satu industri yang baru di Malaysia, namun sejak kebelakangan ini, penuaian sarang burung ini telah diusahakan secara besaran-besaran dan memberi pulangan yang menguntungkan. Dalam tempoh lebih sedekad ini, pengusaha-pengusaha telah menerokai kaedah-kaedah dan teknologi-teknologi baru dalam industri ini untuk mempertingkatkan pengeluaran. Ianya perladangan yang mesra alam dan berkonsepkan industri hijau.

**FAKTA BURUNG WALIT**

Burung Walit seringkali disalahertikan sebagai Burung Layang-Layang. Berikut perbezaan antara Burung Layang-Layang dan Burung Walit :

| BURUNG WALIT | BURUNG LAYANG-LAYANG |
|---|---|
| Famili Apodidae | Famili Hirudininae |
| Tidak boleh bertenggek | Bertenggek |
| Sarang boleh dimakan | Sarang tidak boleh dimakan, dibuat dari rumput dan batu |
| Terdapat 8 spesies | Terdapat 74 spesies |

Burung walit adalah dari keluarga menghasilkan sarang yang boleh dimakan. Terdapat 8 spesis yang mana sarangnya boleh dimakan dan mempunyai kasiat yang tinggi.

Spesies-spesies ini banyak di temui di negara-negara Asia Tenggara. Kehidupan burung ini pada asalnya adalah di dalam gua-gua, namun kini ia mula bermigrasi ke kawasan-kawasan bandar dan menghuni di bangunan-bangunan terbiar yang dianggap sebagai satu habitat yang sama seperti tempat asalnya.

   

Kesemua aktiviti burung ini seperti makan, minum dan mengawan dilakukan semasa terbang. Ia hidup berpasang-pasangan betina dan jantan. Lazimnya ia hanya akan pulang ke sarang pada waktu senja.

## INDUSTRI SARANG BURUNG

Burung walit membuat sarang dari cecair yang dikeluarkan dari kalenjar yang terdapat bersebelahan kalenjar saliva. Cecair ini akan menjadi keras apabila terdedah kepada udara.

Terdapat empat warna sarang burung iaitu putih, kuning, merah dan hitam. Dari kajian yang dilakukan ke atas nutrisi sarang burung, ia mengandungi karbohidrat, asid amino dan garam galian. Glikoprotein di dalam karbohidrat menjadi bahan utama. Sarang burung kaya dengan asid sialic yang dikatakan banyak membantu perkembangan saraf (neurologi) dan daya intelek pada bayi. Asid amino dan garam galian juga adalah antara komponen penting dalam sarang burung. Tiga asid amino yang ditemui adalah asid amino tidak perlu (non-essential) iaitu asid aspartik, glutamik dan praline manakala dua lagi adalah asid amino perlu (essential) iaitu threonin dan valine. Ia membantu memudahkan fungsi normal badan seperti daya pertahanan dan pembaikan tisu.

Di Malaysia, sarang Burung Walit telah menjadi antara eksport komoditi utama pertanian. Sehingga akhir tahun 2007 dianggarkan terdapat lebih dari *20,000 premis burung ini di Malaysia. Adalah dijangka angka ini bertambah seiring dengan pertambahan pengetahuan pengusaha dan orang ramai tentang industri ini. Anggaran harga sarang burung mentah sekilo dipasaran adalah diantara RM3000.00 - RM7500.00 dan boleh mencapai harga antara RM10,000-RM18,000 untuk yang telah siap diproses. Penuaian sarang burung ini juga kini menjadi antara yang terbesar di kalangan negara-negara Asia Tenggara selain Indonesia. Permintaan bagi pasaran sarang burung banyak diterima dari negara-negara asia seperti Taiwan, China, Hong Kong dan Singapura.

**merujuk kepada laporan tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar*

**Perbandingan Industri Sarang Burung Walet Secara Konvensional Dan Komersial**

A) Secara Konvensional (Gua-Gua)

- Di gua-gua habitat asal
- Ada bnyak musuh
- Sarang di bina di langit-langit gua di tempat sesuai

B) Secara Komersial (Rumah Burung)

- Pembinaan lebih cepat dan sempuna
- MUTU SARANG lebih bersih dan seragam kerana sarang di pungut secara terpilih sahaja oleh pengusaha
- Reka bentuk yang sesuai
- Bagunan kukuh dan tahan lama
- Kalis musuh(binatang,serangga,unggas dan manusia)
- Burung walet emas akan rasa selamat dan selesa

C) Diantara harga burung walet di pasaran iaitu:

- Pasaran tempatan:

MENTAH – RM 4,500.00 – RM 5,500.00

PROSES - RM 6,000.00 - RM 8,000.00

- Pasaran Antarabangsa;

MENTAH - RM 8,000.00 – RM 12,000.00

PROSES - RM 12,000.00 – RM 24,000.00

D) Lebih dari RM 100 Billion nilai permintaan dunia

E) 20% sahaja dapat dipenuhi

1) INDONESIA 1
2) THAILAND 2
3) MALAYSIA 3

**Perkembangan Industi Sarang Burung Di Malaysia**

1) Perusahaan Secara Konvensional

- Burung Layang (walet) ini hidup secara semulajadi di habitat asalnya di gua-gua batu kapur di semenanjung Malaysia,Sabah,dan Serawak.

2) Proses Perubahan perusahaan sarang burung layang-layang (walet) dari cara konvensional kepada secara komersial.

3) Terdapat 7 jenis Burung Layang- layang (walet) Di Malaysia

- Collocalia esculenta cyanoptila
- Collocalia Linci Dodgie
- Aerodramus Fuciphagus Vestitus
- Aerodramus Fuciphagus amechanus
- Aerodramus Fuciphagus fuciphagus
- Aerodramus maximus lowi
- Aerodramus maximus tichelmani

4) Di antara Burung Layang- layang yang popular dan di kenali umun;

- Swalow ( kopinis)
- Burung Seriti

- Burung Walet
- Burung Walet merupakan spesis yang terbaik,sarangnya boleh dimakan,mempunyai permintaan yang tinggi di seluruh dunia dan harga yang amat tinggi antara RM 4,500-RM 5,500 tiap satu kilo (yang belum di bersihkan)

**Pembiakan/Mengawal Sambil Terbang Atau Semasa Bergantung Didalam Rumah Burung (Gua)**

1) Bertelur – biasanya tidak lebih dari 2 biji
2) Menbina sarang - dengan lendir (air) dari lelengit dari dalam mulut
3) Anak burung jenis berbulu pahat bukan macam anak ayam atau anak burung puyuh , anak burung walet tidak boleh berdikari
4) Anak burung itu akan dewasa dan matang dan mengulangi pusingan pambiakan , mencari pasangan dan mengawan

**Sikap Psikologi burung walet**

1) Sensitif Pada Bunyi:

- Bunyi koloni burung termasuk burung tiruan
- Selesa tingl secara koloni
- Tertarik dengan bungi koloni dalam rumah (walaupun tiruan)

2) Mengunakan Bunyi (ekolokasi) untuk bergerak ditempat gelap samada dalam gua atau rumah burung walet

3) Sensitif dengan bau koloni

Potensi Industri Sarang Burung Walet

i. Kelulusan Pihak Kerajaan
ii. Pengeluaran Lesen
iii. Penglibatan Agresif Pihak Swasta
iv. Permintaan Melebihi Penawaran
v. Harga Sarang Burung Sangat Mahal
vi Modal Sekali : Untung Selama-Lamanya
vii. Tambah Nilai Hartanah (Rumah Burung Walet)
viii.Terdapat Di Kawasan Asian Sahaja
ix. Pembiakan Secara Semulajadi
xi. Daya Saing Sama Antara Bumiputera Dan Bukan Bumiputera
xii. Komitmen Paling Minima
xiii.Risiko Hampir 'O'
xiv.Keuntungan 90% Dari Perolehan

**Reka Bentuk Rumah Burung Walet Emas**

1) Pendapat Umum Bahan Binaan
2) Rasionalnya Rumah Dari Kayu
3) Gem Mencadangkan Rumah (Bangunan) Batu
4) Reka Bentuk Rumah Burung Juga Mempunyai Berbagai Pendapat

- Dari Segi Saiznya
- Dari Segi Tingkat
- Dari Segi Ketinggian Antara Tingkat
- Longkang Berair Di Keliling Bangunan Kalis Musuh.
- Tambahan Ciri-Ciri Keselamatan

5) Hasil Penyelidikan (R&D) Gem Mencadangkan

- Saiz Lebar Dan Panjang (Tiap Tingkat)
- Ketinggian Antara Lantai Setiap Tingkat Yang Sesuai
- Bumbung Lebih Baik Di Perbuat Daripada Konkrit Selap Di Aras Disediakan Air
- Dinding Rumah Burung Walet

  -Biasanya Diperbuat Dari Batu Bata Yang Di Lepa Dalam Dan Luar

  -Terbaru Digunakan Batu Bata Khas

6) Bangunan Kalis Musuh

7) **Anggaran Pendapatan**

Selepas 6 bulan, dituai 50% dari sarang yang ada pada harga RM3,000 sekilogram atau RM50.00 sekeping. Anggaran 10 sarang dapat dituai hasil adalah RM500.00. Pada tahun pertama (6 bulan ke-2) tambah 50%. Pada akhir tahun boleh tuai 100%. Dianggarkan dapat 2 kilogram dengan hasil RM3,000. Jika dibersih sendiri dapat jual RM6,000 sekilogram. Pada tahun kedua akan ada tambahan dan tuaian setiap 3 bulan. Setelah tahun ke-3 tuaian adalah setiap bulan dengan anggaran 80 sarang iaitu RM4000.00. Ianya akan sentiasa bertambah. Burung ini jangka hayatnya ialah 20 -25 tahun. Pengeluaran adalah sarang burung putih anggaran 6 – 8 gram setelah dituai pada kitaran 28 hingga 40 hari dalam sistem perladangan walit dalam premis buatan manusia.

8)**Pemasaran**

Premis ini akan mengeluarkan sarang burung walit iaitu 'sarang mentah- belum bersih[1] *raw-unclean nest*'. Sasaran sarang putih anggaran berat >7 gram sebutir dihasilkan. Ianya akan dituai setiap 28 hingga 30 hari.

[1] sarang mentah- belum bersih: raw-unclean edible-birdnest (EBN) dimana sarang ini telah di tuai tetapi bulu dan kekotoran beluam dibuang.